

## Aplikasi Google Map

SAYA mempunyai sebuah kedai. Bagaimana untuk meletakkan lokasi kedai ke dalam aplikasi Google Map?

- Kero, Kuala Lipis.

Cara untuk meletakkan sesuatu lokasi ke dalam aplikasi Google Map ialah hanya klik sahaja pada mana-mana peta yang disediakan dalam Google Map. Seterusnya masukan nama atau alamat kedai atau lokasi tersebut.

Namun begitu, kebanyakan lokasi yang dimasukan ke dalam Google Map tidak mempunyai banyak maklumat. Ini penting terutama bagi sesebuah kedai atau premis perniagaan bagi menarik ramai pelanggan ke kedai tersebut.

Jadi, untuk mengedit atau menambah maklumat sesebuah premis perniagaan yang sedia ada pada Google Map, pergi ke pilihan Places for Business. Di sini, penambahan boleh dibuat sekiranya premis perniagaan tersebut belum wujud dalam Google Map atau maklumat kemasukan premis perniagaan tersebut milik seseorang lain dengan memilih pilihan *This isn't my listing*.

Sekiranya tidak, pilih pilihan *Edit my business information* untuk membuat pengeditan dan penambahan maklumat. Jadi, masukan kesemuanya maklumat penting sesebuah perniagaan ke dalam Google Map di pilihan Places for Business ini termasuk alamat e-mel, alamat web, kategori dan penerangan.

Selain itu, bolehlah dimasukan maklumat tambahan yang tidak kurang pentingnya seperti waktu operasi perniagaan, cara pembayaran, maklumat tempat letak kereta, masukan gambar-gambar perniagaan dan sebagainya. Maklumat yang khusus kepada jenis perniagaan juga boleh dimasukan seperti jenama pakaian yang dijual, penyediaan bilik salinan, waranti dan sebagainya.



Bersama Firkhan  
sembangict@yahoo.com

# FRIM anjur pameran herba

Peluang mengenali khazanah herba dan pengetahuan tradisi

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan mengadakan pameran herba dan pelbagai produknya serta pengetahuan tradisi (TK) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 23 hingga 25 Mei ini.

*Herba Malaysia 2014* dianjurkan bertujuan menggalakkan kerjasama penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi (R,D&C) di kalangan pemain industri yang teribat.

Mereka termasuk usahawan herba, pengeluar produk herba dan para penyelidik di samping meningkatkan kualiti, keselamatan dan keberkesanannya produk herba tempatan, serta keyakinan orang ramai terhadap potensi dan khasiat herba sebagai rawatan alternatif.

FRIM juga akan mempromosi hasil penemuan R&D termasuk produk hasilan semula jadi, klon-klon herba dan anak pokok herba berkualiti yang dibangunkan melalui kajian genetik dan kultur tisu.

Turut dipamerkan ialah kemudahan-kemudahan ujian serta perkhidmatan lain yang ditawarkannya termasuk pengesahan dan pengenalpastian tumbuhan ubatan dan herba.

Pameran tersebut dijangka mengumpul penyelidik, ahli akademik, pihak industri herba termasuk pengilang, pengimpor dan pengekspor, agensi kerajaan yang berkenaan dan penggubal dasar.

Selain pameran pelbagai produk herba dari seluruh negara, terdapat juga demonstrasi memasak resipi terbaru menggunakan herba oleh chef selebriti.

Sempena pameran tersebut, yang

bertemakan *Herba dan Pengetahuan Tradisi: Khazanah Negara*, FRIM juga akan menganjurkan Seminar Pemuliharaan dan Pemerksaan Pengetahuan Tradisi (TK) bertema *Melestarikan Legasi Pengetahuan Tradisi* di tempat yang sama pada 23 hingga 24 Mei.

Sementara itu, menurut Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod, pameran Herba Malaysia dan pengetahuan tradisi merupakan satu sinergi menggabungkan pelbagai hasil R&D.

Dapatkan hasil penyelidikan diharap memberi impak kepada industri berkaitan dan memberi manfaat kepada aspek pemuliharaan pengetahuan tradisi sebagai warisan negara.

"Pameran ini bakal memberikan satu persepsi dan dimensi baharu bahawa apa yang kita miliki termasuk sumber bahan, ilmu pengetahuan saintifik mahupun tradisi secara turun-temurun perlu diolah dan digabung secara lebih wajar, teratur dan sempurna."

"Gabungan dan sinergi tersebut merupakan satu perkongsian harta intelek yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak pembekal, pengusaha dan pengamal meliputi masyarakat dasar seperti Orang Asli, Melayu dan kaum



lain," katanya.

Kata beliau lagi, perkembangan industri dan pengetahuan tradisi berdasarkan herba perlu terus disokong oleh semua pihak terutama oleh agensi-agensi kerajaan.

Kata Abdul Latif, penglibatan semua pihak juga merupakan satu proses pemindahan ilmu, kepakaran serta amalan daripada segala aspek dan perlu diteruskan bagi merealisasikan satu konsep merakyatkan perkhidmatan bagi kesejahteraan ekonomi.

Untuk maklumat lanjut mengenai seminar ini, sila layari laman web FRIM untuk memuat turun brosur di [www.frim.gov.my/v1/seminar/TKSEMINARv30Jan.pdf](http://www.frim.gov.my/v1/seminar/TKSEMINARv30Jan.pdf) atau hubungi Intan Nurulhanni Baharuddin di [intannurulhani@frim.gov.my](mailto:intannurulhani@frim.gov.my), Norshakila Yusof ([norshakila@frim.gov.my](mailto:norshakila@frim.gov.my)) atau Nurul Husna Zaidi ([nurulhusna@frim.gov.my](mailto:nurulhusna@frim.gov.my)) di talian: 03-62797496 / faksimile 03-62750925.

Bagi Herba Malaysia 2014 pula, mereka boleh mendapatkan risalah Herba Malaysia 2014 dari [www.frim.gov.my/v1/seminar/PamphletHerbaMalaysiaFinale.pdf](http://www.frim.gov.my/v1/seminar/PamphletHerbaMalaysiaFinale.pdf) atau hubungi Wahayu Abdul Wahab (03-62797594 / [wahayu@frim.gov.my](mailto:wahayu@frim.gov.my)) untuk sebarang pertanyaan atau bantuan.



DR. Abdul Latif Mohmod menunjukkan beberapa produk berdasarkan herba yang dihasilkan FRIM.